

<b>Headline</b>	<b>Industri herba semakin berkembang</b>
<b>Date</b>	<b>27. Aug 2008</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>
<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Page No</b>	<b>A25</b>
<b>Article Size</b>	<b>151 cm<sup>2</sup></b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>AdValue</b>	<b>2135.89</b>



## Industri herba semakin berkembang



SEPERTI yang kita tahu, Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai sumber bahan mentah tumbuh-tumbuhan dan herba yang terbaik di dunia.

Melihat kepada kelebihan itu, banyak pihak terutamanya kerajaan dan juga syarikat swasta mengambil inisiatif memajukan industri tersebut melalui beberapa proses tanaman dan penyelidikan.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) misalnya sentiasa menjalankan kajian terhadap industri herba serta memperluaskan penanamannya agar permintaan terhadap produk agro ini dapat dipenuhi.

Bagi memberi galakan terhadap penanaman produk berasaskan herba ini, FRIM ada menawarkan jualan anak benih tanaman berkenaan pada kadar yang lebih murah dari harga Pasaran.

Melalui tawaran dan usaha penanaman yang dilakukan itu, ia secara tidak langsung dapat menggalakkan perkembangan industri herba yang kini semakin kurang mendapat perhatian.

Selain itu, pihak FRIM turut mempunyai projek tanaman beberapa jenis tumbuhan herba mereka sendiri seperti tongkat ali sebagai langkah mengelakkan spesies tersebut daripada pupus.